

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Julai 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, MEI 2025

Bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2025, merekodkan 522.4 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.0 peratus

PUTRAJAYA, 10 JULAI 2025 – Bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2025, merekodkan 522.4 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.0 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2025**. Statistik ini menerangkan situasi penawaran tenaga buruh negara berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi Mei 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pasaran buruh negara pada Mei 2025 menunjukkan daya tahan dan penyesuaian yang baik terhadap perubahan ekonomi global dan teknologi. Penurunan pengangguran yang berterusan, diiringi pertambahan dalam guna tenaga, mencerminkan prestasi ekonomi Malaysia yang positif dan memberangsangkan. Oleh itu, bilangan tenaga buruh terus berada dalam trend menaik pada Mei 2025, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus, mencatatkan 17.38 juta orang (April 2025: 17.34 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh kekal tidak berubah iaitu pada 70.8 peratus, sama seperti bulan yang lalu."

Bilangan penduduk bekerja terus bertambah pada Mei 2025, naik sebanyak 0.3 peratus kepada 16.86 juta orang berbanding 16.82 juta orang yang direkodkan pada April 2025. Pada masa yang sama, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 0.7 peratus kepada 522.4 ribu orang berbanding 525.9 ribu penganggur pada bulan sebelumnya. Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal 3.0 peratus seperti pada April 2025.

Dalam ulasannya mengenai trend guna tenaga terkini, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini merekodkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus

mencecah kepada seramai 12.66 juta orang pada Mei 2025, berbanding 12.63 juta orang pada bulan sebelumnya. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus kepada 3.18 juta orang berbanding 3.16 juta orang pada April 2025.

Melihat kepada prestasi guna tenaga mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan menunjukkan trend peningkatan yang konsisten, terutamanya dalam aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong dan runcit; dan aktiviti Pengangkutan & penyimpanan. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, dan Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan tersebut.

Mengulas lebih lanjut situasi pengangguran pada Mei 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga menjelaskan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, atau penganggur aktif, merangkumi 79.7 peratus daripada jumlah penganggur. Pada bulan tersebut, bilangan penganggur aktif menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 416.4 ribu orang (April 2025: 418.6 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 64.4 peratus meliputi mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.1 peratus merupakan mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, turut menurun sebanyak 1.2 peratus, merekodkan 106.0 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (April 2025: 107.2 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun kepada 10.2 peratus pada Mei 2025, dengan 297.7 ribu penganggur belia (April 2025: 298.3 ribu orang; 10.3%). Bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun, kadar pengangguran kekal pada 6.2 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia seramai 399.0 ribu orang (April 2025: 400.6 ribu orang).

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 7.18 juta orang pada Mei 2025 berbanding 7.17 juta orang pada April 2025. Peratus sumbangan tertinggi penduduk di luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/tanggungjawab keluarga iaitu sebanyak 43.7 peratus, diikuti oleh mereka yang terlibat dalam bersekolah/ latihan dengan 41.0 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pasaran buruh negara dijangka akan terus berkembang dan kekal berdaya tahan pada bulan-bulan yang akan datang, disokong oleh dasar kerajaan, kestabilan makroekonomi, serta pelaburan dalam modal insan. Walaupun berdepan cabaran global yang berterusan, asas domestik yang kukuh dan pelaburan dalam modal insan membantu mengekalkan kestabilan dan prestasi pasaran buruh yang kukuh.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari^r - Mei^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - Mei 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari^r - Mei^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - Mei 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari^r - Mei^r, November^r - Disember^r 2024, dan Januari - Mei 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JULAI 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2025

The number of unemployed declined further in May 2025, recording 522.4 thousand persons, with an unemployment rate of 3.0 per cent

PUTRAJAYA, JULY 10, 2025 – The number of unemployed declined further in May 2025, recording 522.4 thousand persons, with an unemployment rate of 3.0 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, May 2025**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Explaining the overall performance for May 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, “The country’s labour market in May 2025 portrayed resilience and strong adaptability to global economic and technological changes. The continued decrease in unemployment, alongside a rise in employment, reflects Malaysia’s positive and encouraging economic performance. Consequently, the labour force continued on an upward trend in May 2025, with a month-on-month rise of 0.2 per cent, registering 17.38 million persons (April 2025: 17.34 million persons). The labour force participation rate remained unchanged at 70.8 per cent, the same as in the previous month.”

The total number of employed persons continued to increase in May 2025, rising by 0.3 per cent to 16.86 million persons from 16.82 million persons recorded in April 2025. At the same time, the number of unemployed persons declined further by 0.7 per cent to 522.4 thousand persons, compared to 525.9 thousand unemployed in the previous month. The unemployment rate during the month remained at 3.0 per cent as in April 2025.

In his remarks on the latest employment trends, the Chief Statistician Malaysia highlighted that the employees’ category constituted 75.1 per cent of the total employed persons. This category recorded a growth of 0.2 per cent to reach

12.66 million persons in May 2025, compared to 12.63 million in the preceding month. Likewise, the number of own-account workers registered an increase of 0.5 per cent to 3.18 million persons as compared to 3.16 million in April 2025.

Looking at the performance of employment by economic sectors, the number of employed persons in the Services sector showed a consistent upward trend, particularly in Accommodation and food & beverage services; Wholesale and retail trade; and Transportation & storage activities. On the same note, the Manufacturing, Construction, Agriculture, and Mining & quarrying sectors also recorded an increasing number of employed persons during the month.

Commenting further on the unemployment situation in May 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also explained that those who were available for work and were actively seeking jobs, or the actively unemployed, encompassed 79.7 per cent of the total unemployed. During the month, the number of actively unemployed declined by 0.5 per cent to 416.4 thousand persons (April 2025: 418.6 thousand persons). By duration of unemployment among the actively unemployed, 64.4 per cent comprised those unemployed for less than three months, while 5.1 per cent were in long-term unemployment for more than a year. The inactively unemployed, or those who believed there were no jobs available, also decreased by 1.2 per cent, recording 106.0 thousand persons as compared to last month (April 2025: 107.2 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years declined to 10.2 per cent in May 2025, with 297.7 thousand unemployed youths (April 2025: 298.3 thousand persons; 10.3%). For youth aged 15 to 30, the unemployment rate stood at 6.2 per cent, registering 399.0 thousand unemployed youths (April 2025: 400.6 thousand persons).

The number of persons outside the labour force increased by 0.1 per cent to 7.18 million persons in May 2025 as compared to 7.17 million persons in April 2025. The largest share of those outside the labour force was attributed to housework/family responsibilities at 43.7 per cent, followed by those engaged in schooling/training with 41.0 per cent.

Concluding the statement, the country's labour market is expected to continue expanding and remain resilient in the forthcoming months, supported by government policies, macroeconomic stability, and investments in human capital. Despite ongoing global challenges, strong domestic fundamentals and sustained investment in human capital help maintain the stability and steady performance of the labour market.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional

development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January^r - May^r, November^r - December^r 2024, and January - May 2025




Chart 2: Unemployment, Malaysia, January^r - May^r, November^r - December^r 2024, and January - May 2025





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January^r - May^r, November^r - December^r 2024, and January - May 2025



Note:^r Revision based on the current population estimates from the Population and Housing Census of Malaysia 2020

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10th JULY 2025**